



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS KENT

TUGASAN KERJA KURSUS

TAHUN AKADEMIK 2019

Program : PISMP	Nama Pelajar:	
Kod : MTES3073	Semester / Tahun : 1 / Tahun 2 Ambilan: Jun 2018 Kumpulan: MATEMATIK	
Nama Kursus : PENGAJARAN NOMBOR DAN OPERASI		
<b>Tugasan</b>	<b>Tarikh Mula</b>	<b>Tarikh Hantar</b>
1. Kuiz 1 (Topik 2, 3, dan 4)	3 September 2019	3 September 2019
2. Kuiz 2 (Topik 5 dan 6)	4 Oktober 2019	4 Oktober 2019
3. Penghasilan resos untuk P&P bagi Topik 2, 3, 4, 5 atau 6 secara berkumpulan (NPDL – MTES3063)	22 Julai 2019	30 Julai 2019
4. Laporan kajian kes secara individu (NPDL – MTES3063)	6 Ogos 2019	26 Ogos 2019

#### Hasil Pembelajaran Kursus:

1. Mengaitkan kandungan matematik dengan pedagogi yang sesuai dalam membentuk pengetahuan pedagogi kandungan bagi bidang pengajaran Nombor dan Operasi. (C2, A4, PLO1)
2. Membina resos yang sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran Nombor dan Operasi. (C3, P6, PLO2, PLO5, TS3)
3. Membincang isu-isu pengajaran dan pembelajaran dalam Nombor dan Operasi berdasarkan amalan dan rujukan dapatan penyelidikan yang berwasit atau berautoriti. (C5, A4, PLO3, PLO6, CTPS3, LL2)
4. Merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi Nombor dan Operasi. (C6, PLO3, CTPS4)

Kerja kursus ini bagi menilai hasil pembelajaran 1, 2, 3 dan 4

## **Objektif Kerja Kursus:**

Siswa pendidik dapat:

1. menyelesaikan Kuiz 1 dan Kuiz 2 secara individu.
2. menghasilkan satu resos untuk pengajaran dan pembelajaran bagi Topik 2, 3, 4, 5, atau 6 yang sesuai dengan prosedur penggunaannya disertakan secara berkumpulan (2 orang).
3. menulis satu laporan kajian kes berkaitan isu-isu pengajaran dan pembelajaran dalam Nombor dan Operasi dengan penggunaan resos dan rancangan baharu untuk penambahbaikan secara individu.

Pelajar dikehendaki melaksanakan tugas berikut:

### **TUGASAN 1: KUIZ 1 (10%)**

Sebagai seorang bakal guru matematik, anda seharusnya dapat mengaitkan kandungan matematik dengan pedagogi yang sesuai dalam membentuk pengetahuan pedagogi kandungan bagi topik Nombor dan Operasi, Pecahan dan Perpuluhan.

Tugasan ini terdiri daripada 4 soalan kuiz yang digubal untuk menilai penguasaan ilmu pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap Topik 2, Topik 3 dan Topik 4. Anda perlu menyelesaikan Kuiz 1 dalam masa 30 minit.

### **TUGASAN 2: KUIZ 2 (10%)**

Sebagai seorang bakal guru matematik, anda seharusnya dapat mengaitkan kandungan matematik dengan pedagogi yang sesuai dalam membentuk pengetahuan pedagogi kandungan bagi topik Nisbah, Kadaran dan Peratus, dan Wang. Tugasan ini terdiri daripada 2 soalan kuiz yang digubal untuk menilai penguasaan ilmu pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap Topik 5 dan Topik 6. Anda perlu menyelesaikan Kuiz 2 dalam masa 30 minit.

### **TUGASAN 3: PENGHASILAN RESOS P&P (15%) NPDL MTES3063**

Kurikulum Standard Matematik Sekolah Rendah bertujuan membentuk individu yang berfikir matematik iaitu membina pemahaman murid tentang konsep nombor, kemahiran asas dalam pengiraan, memahami idea matematik yang mudah dan berketrampilan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran matematik secara berkesan dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, berlandaskan sikap dan nilai agar berupaya menangani cabaran dalam kehidupan harian, selaras dengan perkembangan sains dan teknologi dan cabaran abad ke-21 (DSKP KSSR Semakan 2017 Matematik, 2017).

Dalam penghayatan kurikulum matematik demi menjana kemenjadian guru, secara berkumpulan (2 orang) hasilkan satu resos pengajaran dan pembelajaran bagi Nombor dan Operasi yang sesuai dengan prosedur penggunaannya disertakan.

#### **TUGASAN 4: LAPORAN KAJIAN KES (35%) NPDL MTES3063**

Secara individu menyediakan laporan kajian kes berkaitan isu-isu pengajaran dan pembelajaran Nombor dan Operasi dengan penggunaan resos dan rancangan baharu untuk penambahbaikan

#### **TUGASAN NPDL**

Sebagai seorang bakal guru Matematik, siswa pendidik diminta menyediakan satu refleksi dari perspektif yang pelbagai terhadap pelaksanaan kurikulum Matematik sekolah rendah dan bincangkan trenda dan isu-isu pendidikan Matematik semasa yang berlaku sepanjang anda menjalani sesi PBS (**MTES3063**). Secara berkumpulan, siswa pendidik juga diminta menghasilkan satu resos untuk pengajaran dan pembelajaran bagi Nombor dan Operasi (**MTES3073**). Kemudian menulis satu laporan kajian kes berkaitan dengan isu-isu pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan resos dan satu rancangan baharu untuk penambahbaikan bagi resos tersebut (**MTES3073**).

#### **Arahan Pelaksanaan Tugas**

##### **TUGASAN 1: Kuiz 1**

1. Tugas ini merupakan tugas **individu**.
2. Masa yang diperuntukkan untuk tugas ini adalah **30 minit**.
3. Semua jawapan perlu ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

##### **TUGASAN 2: Kuiz 2**

1. Tugas ini merupakan tugas **individu**.
2. Masa yang diperuntukkan untuk tugas ini adalah **30 minit**.
3. Semua jawapan perlu ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

##### **TUGASAN 3: PENGHASILAN RESOS P&P NPDL (MTES3063)**

1. Tugas ini perlu dihasilkan secara berkumpulan ( 2 orang).
2. Resos P&P yang dihasilkan perlu sangat fleksibel dan tahan lazak.
3. Resos P&P yang dihasilkan perlu sangat menarik dan portable.
4. Huraian prosedur penggunaan resos P&P perlu sangat jelas, sesuai dan terperinci.
5. Penggunaan bahasa yang betul dari segi perbendaharaan kata, ejaan, dan kelancaran bahasa perlu dititikberatkan.
6. Bagi menyeragamkan proses penghasilan kerja kursus agar persembahan prosedur penggunaan resos P&P menepati standard yang ditetapkan:
  - 6.1 Prosedur penggunaan P&P berbentuk teks perlu ditaip dalam bentuk broser
  - 6.2 Fon: Arial.
  - 6.3 Saiz huruf: 10
  - 6.4 Langkau: 1.15
  - 6.5 Rajah perlu dilabelkan.
  - 6.6 Tulis dalam Bahasa Melayu

#### TUGASAN 4: LAPORAN KAJIAN KES NPDL (MTES3063)

Penulisan laporan kajian kes perlu dilaksanakan secara **individu**.

1. Panjang laporan kajian kes **1200 patah perkataan** tidak termasuk rajah dan lampiran.
2. Amalan plagiat tidak dibenarkan.
3. Penulisan laporan kajian kes ini perlu disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
4. Format dan organisasi perlu jelas dan koheren.
5. Rumusan yang ringkas, padat dan komprehensif.
6. Rujukan sumber perlulah daripada pelbagai sumber yang tepat seperti buku, jurnal, internet dan bahan bercetak yang lain.
7. Bagi menyeragamkan proses penghasilan kerja kursus agar persembahan hasil kerja kursus menepati standard yang ditetapkan:
  - 7.1 Hasil kerja kursus berbentuk teks perlu ditaip
  - 7.2 Fon: Arial.
  - 7.3 Saiz huruf: 11.
  - 7.4 Langkau: 1.5
  - 7.5 Rujukan: APA (*American Psychological Association*) terkini.
  - 7.6 Rajah perlu dilabelkan.
  - 7.7 Jawab dalam Bahasa Melayu
9. Penulisan laporan kajian kes ini dinilai berdasarkan:
  - 8.1 Kecemerlangan mengurus aktiviti PdP.
  - 8.2 Penggunaan bahasa yang betul dari segi perbendaharaan kata, ejaan, dan kelancaran bahasa.
  - 8.3 Keupayaan menganalisis dan mensintesis berserta kesimpulan yang menyeluruh.
  - 8.4 Perbincangan, kritikan dan cadangan penambahbaikan dengan bukti yang kukuh dan tepat.
  - 8.5 Keseluruhan isi dan pengolahan perlu menunjukkan keaslian dengan sokongan ilmiah.
  - 8.6 Kefasihan bahasa, laras bahasa yang sesuai, kematangan hujah dan tiada kesalahan ejaan.
9. Muka hadapan kerja kursus hendaklah dilengkapi dengan maklumat yang berikut:
  - 9.1 Nama Pelajar
  - 9.2 Angka Giliran
  - 9.3 Nombor Kad Pengenalan
  - 9.4 Kumpulan / Unit
  - 9.5 Kod dan Nama Kursus
  - 9.6 Nama Pensyarah
  - 9.7 Tarikh Hantar
10. Penulisan laporan kajian kes ini akan dinilai berdasarkan panduan pemarkahan yang disediakan.

Disediakan oleh:

---

(Dr. KHOO CHWEE HOON)  
Penyelaras Kursus MTES3073

Disahkan oleh:

---

(DATIN Dr. ROSINAH BINTI EDININ)  
Ketua Jabatan Sains dan Matematik  
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent

Disemak oleh:

---

(TEH AH HUAT)  
Pakar Bidang (SME)